

Malaysia minta Korea bantu hapuskan keganasan

SEOUL 23 Mei — Malaysia meminta Republik Korea membantu menyuarakan pandangannya supaya diadakan persidangan antara-bangsa mengenai keganasan agar isu itu dapat dibincangkan secara menyeluruh bagi mencari cara terbaik untuk menghapus dan menyelesaikan perbuatan dahsyat tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, adalah menjadi keperluan terdesak untuk mencari definisi yang betul dan tepat mengenai pengertian keganasan.

"Ini akan membolehkan perbezaan dibuat antara pejuang pembebasan sejati dan mereka yang berniat buruk. Dalam hubungan ini, Malaysia sekali lagi mendesak persidangan antarabangsa mengenai keganasan diadakan segera," katanya dalam ucapan balas di majlis jamuan negara di kediaman rasmi Presiden Kim Dae-jung di Blue House, di sini malam ini.

Menurut Dr. Mahathir, kebimbangan utama yang menghantui Malaysia selepas tragedi 11 September itu ialah cabaran untuk menghadapi keganasan. —
Utusan